

Bidaan IRCON masih dikaji

Kerajaan masih dalam peringkat perbincangan untuk menganugerahkan projek pembinaan laluan kereta api menghubungkan Seremban ke Pelabuhan Klang kepada syarikat India, IRCON.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata setakat ini perbincangan masih dijalankan dan pihaknya belum memuktamadkan sebarang keputusan.

"Malaysia akan terus meningkatkan perkhidmatan kereta api dalam negara. Kita mempunyai projek Landasan Kereta Api Pantai Timur dan laluan antara Serendah ke Pelabuhan Klang.

Kita masih perlukan laluan untuk menghubungkan Seremban ke Pelabuhan Klang. "Buat masa ini, kita masih jalankan perbincangan sama ada untuk menawarkan projek pembinaan laluan itu kepada IRCON atau tidak.

"Ia membabitkan beberapa perjanjian, termasuk eksport minyak sawit dari Malaysia untuk pasaran India," katanya selepas melancarkan fasa kedua Mitsui Outlet Park KLIA di Sepang, semalam.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam lawatannya ke India memaklumkan kerajaan sedang mengkaji untuk menganugerahkan projek pembinaan laluan kereta api menghubungkan Seremban-Pelabuhan Klang kepada IRCON.

Beliau dipetik sebagai berkata, bagaimanapun kerajaan perlu menetapkan syarat yang boleh diterima kedua-dua pihak dan rundingan susulan akan dijalankan.

Dalam lawatan sama, Najib turut menyuarakan kebimbangannya terhadap kenaikan duti import minyak sawit mentah Malaysia yang dikenakan India daripada 15 peratus kepada 30 peratus.

Menurutnya, kenaikan itu tinggi dan beliau meminta Kerajaan India mengkaji semula kadar berkenaan yang memberi kesan kepada eksport minyak sawit mentah negara kerana India adalah pembeli kedua terbesar minyak sawit Malaysia.

SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 24 | 9 FEBRUARI 2018